



CONFERENCE PROCEEDINGS

6TH INTERNATIONAL CONFERENCE ON LOCAL KNOWLEDGE 2016 (ICLK) UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Local Wisdom: Universal Heritage

27TH - 28TH JULY 2016
ST GILES WEMBLEY, PULAU PINANG, MALAYSIA

ORGANIZED BY



UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA



IN COLLABORATION WITH

50 Tahun Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (1965-2015): Usaha dan Pencapaian Dari Sudut Akademik

Mohd Saiful Aizat M.S.^{1,2}, Mohd Firdaus A.R.^{1,2}, Ahmad Fikri A. K.^{1,2}, Ibrahim A.^{1,2}, Nurazreena A.^{1,2}

¹Universiti Sains Malaysia, Kampus Kejuruteraan, Pulau Pinang, Malaysia

²Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia, Malaysia

ABSTRAK

Seni Silat Cekak Malaysia (SSCM) merupakan seni silat Melayu asli warisan bangsa Melayu turun temurun yang bukan sahaja sekadar untuk mempertahankan diri malah ianya juga mempunyai elemen-elemen akademik yang boleh dikaji secara ilmiah dan saintifik. Demi melestarikan dan memartabatkan warisan bangsa Melayu yang bermutu ini, Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) sedari awal penubuhannya telah mengorak langkah untuk menjadikan ‘Silat Cekak Silat Akademik’ sebagai usaha untuk meletakkan ilmu silat Melayu di pentas akademik dunia demi menzahirkan bahawasanya ilmu warisan bangsa Melayu ini sememangnya bertaraf akademik selari dengan perkembangan zaman dan bukannya ilmu tahyul dan khurafat. Oleh itu, kertas kerja ini membentangkan usaha-usaha yang telah dilakukan dan pencapaian-pencapaian yang telah terhasil dari sudut akademik sepanjang 50 tahun perjuangan PSSCM (1965-2015) di dalam memartabatkan budaya bangsa Melayu. Di samping itu, cabaran dan dugaan yang dihadapi sepanjang tempoh tersebut turut dibincangkan. Tempoh 50 tahun bukanlah suatu tempoh yang singkat untuk memahatkan ilmu seni bela diri bangsa Melayu di mata dunia, namun, setiap usaha yang dilakukan tidak sia-sia apabila pada hari ini, PSSCM telah berjaya bertapak di dalam 73 buah institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang merupakan gedung ilmu negara. Selain itu, pelbagai kajian ilmiah berkaitan SSCM telah dijalankan dan hasilnya telah diterbitkan di dalam buku, prosiding dan jurnal berwasit. Selari dengan saranan kerajaan Malaysia menjadikan seni bela diri silat sebagai benteng pertahanan negara ketiga, adalah penting kajian akademik dilaksanakan bagi memastikan warisan budaya bangsa Melayu ini tidak dipandang lekeh oleh masyarakat tempatan khususnya dan masyarakat antarabangsa amnya.

Kata kunci: *Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia, warisan bangsa Melayu, seni silat Melayu, silat akademik, kajian ilmiah.*

PENGENALAN

Ungkapan ‘Silat Cekak Silat Akademik’ sentiasa meniti di bibir guru-guru Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) setelah ilmu ini berjaya menerobos masuk ke institusi pengajian tinggi (IPT). Seni Silat Cekak Malaysia (SSCM) mula dipelajari oleh mahasiswa Universiti Malaya pada Julai 1974, sebelum melebarkan sayapnya ke Institut Teknologi MARA (1975), Universiti Pertanian Malaysia (1975), Universiti Teknologi Malaysia (1975), Universiti Sains Malaysia (1976) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (1976) (Halimah, 1978). Pengasas PSSCM, Almarhum Ustaz Haji Hanafi bin Haji Ahmad telah mengulas mengenai penerimaan para mahasiswa terhadap ilmu warisan bangsa Melayu ini dalam ucapannya sewaktu Perayaan 10 Tahun PSSCM.